

IMPLIKASI PANDEMIK COVID-19 TERHADAP GOLONGAN BELIA ISLAM DI MALAYSIA

THE IMPLICATIONS OF THE COVID-19 PANDEMIC ON MUSLIM YOUTH IN MALAYSIA

Siti Sarah Omar^{1*} & Shahir Akram Hassan¹

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), 11800, Pulau Pinang

ARTICLE INFO

*Author Email Address:
sitisarah5632@gmail.com

Received Date:
23 April 2024

Accepted Date:
1 May 2024

Published Date:
1 June 2024

Keywords:
The implications, Covid-19, Post-pandemic, Youth, Muslim youth

Kata kunci:
Implikasi, Covid-19, Pasca-pandemik, Belia, Belia Islam

Cite as:

Siti Sarah Omar & Shahir Akram Hassan. 2024. Implikasi pandemik Covid-19 terhadap golongan belia Islam di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 25(1):66-75

ABSTRAK

Pelbagai implikasi mula dirasai hasil daripada krisis pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia. Semua golongan lapisan masyarakat terkesan dengan pandemik terutamanya golongan belia kerana golongan ini merupakan golongan yang terkait rapat dengan tiga sektor utama negara iaitu kesihatan, ekonomi, dan pendidikan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran di Malaysia kekal 3.6 peratus pada Disember 2022. Kadar pengangguran ini masih dikira tinggi berbanding sebelum berlakunya pandemik. Berdasarkan statistik ini telah timbul dua persoalan. Pertama, adakah golongan belia Islam merupakan golongan majoriti penganggur di Malaysia? Dan adakah pandemik telah memberi kesan kepada pasaran penawaran pekerjaan golongan belia? Oleh itu, bagi menjawab persoalan tersebut, makalah ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti peratusan kadar pengangguran belia di Malaysia; kedua, mengenal pasti peratusan pasaran penawaran pekerjaan belia pasca-pandemik dan ketiga, menganalisis implikasi pandemik Covid-19 terhadap belia di Malaysia. Kajian dokumen ini dijalankan dengan mengaplikasi kaedah kualitatif menggunakan data sekunder dan kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil penemuan telah menunjukkan golongan belia antara 15 hingga 30 tahun merupakan golongan penganggur kedua tertinggi di Malaysia. Hampir 40 peratus daripada keseluruhan tenaga buruh di Malaysia terdiri daripada golongan belia. Namun, krisis pandemik ini telah mengehadkan peluang untuk belia memilih pekerjaan setimpal dengan kemahiran dan kelulusan mereka.

ABSTRACT

Various implications are starting to be felt as a result of the Covid-19 pandemic crisis that has hit the world. All levels of society are affected by the pandemic, especially the youth because this group is closely related to the three main sectors of the country, which is health, economy, and education. According to the Department of Statistics Malaysia (DOSM), the unemployment rate in Malaysia remains at 3.6 percent in December 2022. This unemployment rate is still considered high compared to before the pandemic. Based on these statistics, two questions have arisen. First, are the Muslim youth, the majority of the unemployed in Malaysia? And has the pandemic affected the youth job market? Therefore, to answer the question, this paper has three objectives. First, identify the percentage of youth unemployment in Malaysia; second, identify the percentage of the post-pandemic youth job market and third, analyse the implications of the Covid-19 pandemic on youth in Malaysia; This document study was conducted by applying qualitative methods using secondary data and then analysed using content analysis methods. The findings have shown that the 15–30-year-old youth group is the second highest unemployed group in Malaysia. Almost 40% of the entire labour force in Malaysia consists of youth. However, the pandemic crisis has limited opportunities for youth to choose jobs commensurate with their skills and qualifications.

PENGENALAN

Pandemik Covid-19 secara umumnya telah mengubah gaya hidup manusia dalam urusan harian terutamanya dalam urusan yang berkaitan ekonomi seperti perubahan pendapatan dan corak perbelanjaan. Menurut Junaidi Mansor dan Mohd Amirul Rafiq (2020), majoriti pakar ekonomi telah menjangkakan krisis Covid-19 ini akan mengakibatkan kemerosotan kepada sebahagian besar aktiviti ekonomi. Aktiviti ekonomi yang normal dan stabil berlaku apabila penawaran dan permintaan seimbang. Namun, aktiviti ekonomi ini mula terganggu apabila seluruh dunia seakan terhenti seketika apabila wabak Covid-19 mula tersebar pada penghujung tahun 2019.


Tahun 2020 menjadi saksi kepada kemerosotan ekonomi dunia akibat berlakunya pandemik Covid-19. Sektor perkhidmatan secara fizikal merupakan sektor ekonomi yang terjejas teruk (International Monetary Fund (IMF), 2021). Golongan belia antara golongan yang paling banyak terlibat dalam sektor perkhidmatan secara fizikal seperti perhotelan (pusat pelancongan), peruncitan, pembuatan, perkilangan dan aktiviti khidmat langsung. Tahun 2022 merupakan tahun yang mula memberi sinar harapan kepada pemulihan ekonomi secara beransur-ansur dan juga memberi pelbagai pengajaran serta penerimaan cara hidup yang selari dengan kemajuan teknologi. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti implikasi pandemik Covid-19 terhadap golongan belia Islam supaya dapat memberi gambaran yang jelas tentang situasi yang sedang dihadapi oleh golongan belia dan seterusnya dapat mencadangkan beberapa perkara yang boleh dipertimbangkan oleh semua pihak untuk membantu golongan belia bangun daripada kesan-kesan pandemik ini seterusnya menyesuaikan diri dengan segala perubahan yang berlaku dalam urusan harian terutamanya dalam sektor ekonomi.

Implikasi Pandemik Covid-19 Terhadap Golongan Belia Di Malaysia

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang bertajuk '*Global Employment Trends for Youth 2022: Investing in transforming futures for young people*', pemulihan pekerjaan belia akibat daripada kesan pandemik Covid-19 masih ketinggalan berbanding kumpulan umur yang lain. Golongan belia dilaporkan tidak mendapat perhatian yang sepatutnya ditambah pula dengan pengalaman yang terbatas dalam mengharungi cabaran ekonomi dunia.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaporkan bahawa kadar pengangguran di Malaysia kekal 3.6 peratus pada Disember dan suku keempat tahun 2022. Walaupun kadar pengangguran ini dilihat tidak memberi pertambahan kepada jumlah pengangguran, namun kadar ini merupakan kadar tertinggi berbanding sebelum berlakunya pandemik Covid-19 iaitu sebanyak 3.3 peratus untuk tahun 2019. Perkara ini lebih menggusarkan lagi apabila saban tahun akan ada pertambahan belia yang berjaya bergraduasi dari Institut Pengajian Tinggi awam dan swasta.

Setiap tahun Institusi Pengajian Tinggi akan melahirkan beribu graduan yang merupakan prospek kepada tenaga buruh Malaysia (Ishak, Rahmah & Robiah, 2008; Nur Sheilla & Zuber, 2022). Walaupun negara dilanda pandemik Covid-19, namun bilangan graduan yang dihasilkan tidak berlaku pengurangan. Hal ini kerana sesi pembelajaran tidak dihentikan tetapi diubah daripada pembelajaran secara fizikal kepada pembelajaran secara atas talian sepenuhnya. Gambaran yang lebih jelas berkaitan jumlah siswazah di Malaysia untuk tahun 2020 dan 2021 dapat dilihat dalam Rajah 1 seperti di bawah.



Rajah 1 Statistik Utama Siswazah di Malaysia, 2020 - 2021
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2022)

Graduan bagi tahun 2020 merupakan graduan pemula yang menempuhi cabaran ekonomi dunia yang tidak stabil pada ketika itu. Mereka perlu mencari segala peluang yang ada untuk merebut tempat dalam industri yang terhad. Perkara ini dapat dilihat dalam Rajah 2 yang menunjukkan pertambahan mendadak bilangan siswazah yang menganggur bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019.



Rajah 2: Pengangguran Siswazah di Malaysia, 2017 – 2021
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2022)

Rajah 2 ini juga menunjukkan berlaku penurunan sedikit kadar pengangguran siswazah pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Namun, kadar ini masih membimbangkan dan masih tinggi berbanding sebelum berlakunya pandemik Covid-19. Penurunan ini dipercayai terjadi apabila belia sudah mula beradaptasi dengan keadaan selepas pandemik dan mula memilih pekerjaan sedia ada walaupun tidak setanding dengan kelayakan akademik atau kemahiran yang dimiliki. Hal ini telah terbukti dalam hasil tinjauan yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2022) bermula 1 Mac sehingga 31 Disember 2022 yang melibatkan seramai 6,657 pekerja p-hailing telah menunjukkan 97.71 peratus pekerja p-hailing terdiri daripada individu berumur 15 sehingga 30 tahun dan kebanyakan mereka berpendapatan di antara RM 1,501.00 sehingga RM 2,499.00 sebulan (Chung, 2023) .

METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini merupakan kajian analisis dokumen. Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasi kaedah kualitatif menggunakan data sekunder. Menurut Hsieh & Shannon (2005), analisis dokumen merupakan salah satu metod kajian selain etnografi, fenomenologi, teori beralas atau berlandas, dan kajian sejarah yang diguna bagi tujuan menganalisis data dokumen dan juga temu bual berbentuk teks. Krippendorff (2004) pula menyatakan analisis dokumen merupakan alat saintifik yang melibatkan prosedur khusus bertujuan menyediakan pandangan baharu, meningkatkan kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal. Kaedah ini dipilih kerana mampu menunjukkan hasil kajian dalam bentuk analisis yang lebih mendalam, terkini dan meluas tentang implikasi pandemik terhadap golongan belia Islam di Malaysia. Kajian berasaskan kaedah kualitatif ini menggunakan data-data sekunder yang diperolehi daripada kajian dokumen dan seterusnya dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan.

Data statistik utama yang digunakan dalam kertas kajian ini diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Jabatan Insolvensi Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS), dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN


Pada fasa pertama pandemik Covid-19 melanda dunia, pelbagai perkara yang tidak dapat dibendung dan dikawal pada permulaannya seperti kadar kematian yang tinggi dan sebahagian besar ekonomi dunia yang terjejas pada ketika itu (Clemente-Suárez et al., 2021). Jadual 1 di bawah menunjukkan senarai sektor ekonomi yang menerima kesan sewaktu pandemik Covid-19 melanda dunia. Berdasarkan jadual dibawah, empat sektor ekonomi yang disenaraikan mengalami kesan yang tinggi akibat pandemik merupakan sektor ekonomi yang banyak disertai oleh golongan belia.

Jadual 1: Senarai Pekerja dalam Risiko Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor ekonomi	Kesan semasa	Situasi Pekerjaan - anggaran global sebelum Covid-19	
		Jumlah tenaga kerja ('000)	% tenaga kerja (global)
Pendidikan	Rendah	176,560	5.3
Kesihatan dan kerja sosial		136,244	4.1
Pentadbiran awam dan pertahanan		144,241	4.3
Kemudahan asas		26,589	0.8
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan		880,373	26.5
Pembinaan		257,041	7.7
Kewangan dan aktiviti insuran		52,237	1.6
Pelombongan dan pengkuarian	Sederhana Rendah	21,714	0.7
Seni, hiburan, rekreasi dan perkhidmatan lain	Sederhana Tinggi	179,857	5.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	Tinggi	204,217	6.1
Penginapan dan perkhidmatan makanan		143,661	4.3
Hartanah, perniagaan dan aktiviti pentadbiran		156,878	4.7
Pembuatan		453,091	13.9
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal		681,651	14.5

Sumber: ILO, 2020



Setelah 3 tahun berlalu, seluruh dunia kini sedang melangkah ke arah pembinaan semula ekonomi secara menyeluruh. Manusia bebas merentas negara untuk tujuan melancong, melakukan urusan pekerjaan dan perniagaan. Aktiviti ekonomi kembali pulih dengan pertambahan beberapa perkara baru seiring perubahan gaya hidup selepas pandemik. Teknologi digital berkembang dengan sangat pesat, seolah-olah mana-mana industri yang tidak memanfaatkan teknologi digital ini akan ketinggalan jauh dan berkemungkinan besar akan terkubur suatu hari nanti. Hal ini dapat dibuktikan dalam rajah 3 di bawah, e-Dagang (membeli barangan atau perkhidmatan melalui e-Dagang) merupakan aktiviti kedua tertinggi selepas e-Kesihatan (membuat janji temu kesihatan, seperti janji temu untuk *swab test* dan vaksinasi).



Rajah 3: Peratusan Individu Menggunakan Internet Mengikut Jenis Aktiviti
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2022)

Seiring dengan usaha mengembangkan ekonomi negara. Terdapat beberapa perkara yang masih perlu dititikberatkan untuk memastikan perkembangan ekonomi dapat berkembang dan menjadi stabil untuk tempoh masa yang panjang. Antara perkara yang perlu dipandang serius adalah tentang perkembangan belia terutamanya dari segi pendidikan dan ekonomi belia. Hal ini penting kerana selain belia merupakan kunci kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara, belia juga merupakan pengguna teknologi digital tertinggi dan agak rugi sekiranya tidak menggunakan kelebihan ini sepenuhnya (Syazwana, Noraini & Muhammad Fadzil, 2021).

Pada tahun 2022, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan usaha sama Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjalankan kajian mengenai kesejahteraan hidup belia untuk memahami masalah yang dihadapi oleh belia. Rajah 4 dan 5 merupakan antara hasil analisis yang diperolehi dalam kajian tersebut. Kesejahteraan ekonomi merupakan peratusan yang paling rendah dalam hasil analisis kesejahteraan umum dan hasil analisis kegembiraan belia pula mendapati belia kurang gembira dalam pengurusan dan kedudukan kewangan mereka.



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) & Universiti Putra Malaysia (UPM)

Hasil daripada dua analisis di atas sangat membimbangkan ditambah lagi oleh data statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) telah menyatakan bahawa 63.39 peratus pekerja p-hailing yang rata-ratanya terdiri daripada golongan belia tidak mempunyai apa-apa simpanan kecemasan dan sebanyak 54.93 peratus tidak memiliki sebarang polisi insuran atau takaful. Hal ini perlu diberi perhatian dan pendedahan untuk menambahkan kesedaran dalam kalangan belia. Secara keseluruhannya, pandemik Covid-19 dilihat telah memberi kesan langsung kepada golongan belia melalui enam aspek utama iaitu:

1. Pengangguran
2. Ekonomi Gig dan Bekerja bebas.
3. Cabaran Pasaran Penawaran Pekerjaan.
4. Jurang Pendapatan
5. Pendidikan dan Kemahiran.
6. Kesihatan Mental dan Kesejahteraan.

Kesan pertama iaitu pengangguran, pandemik telah memberi kesan yang ketara dalam sektor ekonomi yang telah menyebabkan kitaran ekonomi seolah-olah terhenti seketika. Hal ini secara tidak langsung telah mengakibatkan ramai golongan belia terkesan apabila kehilangan pekerjaan dan juga menghadapi kesukaran mencari pekerjaan. Walaupun kadar pengangguran belia berumur 15 sehingga 30 tahun berkurang sebanyak 0.3 peratus (DOSM, 2022), kadar pengangguran ini masih kekal tinggi berbanding sebelum berlakunya pandemik.

Kesan kedua, trend struktur yang ketara yang menyumbang dalam kenaikan pekerjaan atau pekerja tidak rasmi meningkat berterusan dalam 'own account workers' sejak Januari 2021 meningkat kepada 2.86 juta orang pada Disember 2022 dari 2.85 juta pada November, melepasi puncak sebelumnya 2.8 juta pada Mac 2020. 'Own account workers' merujuk kepada pendapatan harian individu yang bekerja sebagai peniaga kecil, penjaja, pengendali gerai makanan, pekebun kecil serta pekerja gig. Trend perkembangan ekonomi gig ini agak membimbangkan kerana pekerja dalam sektor tidak formal ini tidak melaporkan hasil pendapatan mereka, hal ini seterusnya akan menyebabkan ketirisan dalam hasil pendapatan cukai negara (Aznan, Fatin Nadhirah, Akhbar, Fauzi & Izzul, 2022).

Ketiga, krisis pasaran penawaran pekerjaan. Krisis pasaran pekerjaan akan terjadi apabila berlaku lambakan perkhidmatan seperti perkhidmatan p-hailing dan juga lambakan pekerjaan yang tidak setaraf dengan kelulusan akhirnya Malaysia kerugian dalam menggunakan sepenuhnya kemahiran dan kepakaran siswazah yang ada. Pekerjaan dalam bidang p-hailing tidak sesuai dijadikan sebagai pekerjaan tetap untuk tempoh yang lama kerana pekerjaan ini mempunyai risiko kemalangan yang tinggi dan tidak menjamin pertumbuhan dalam bidang kerjaya.

Kesan keempat, jurang pendapatan yang ketara untuk kepakaran yang ada. Apabila penawaran dalam bidang kepakaran tidak lagi mampu seimbang dengan penawaran pekerjaan yang sedia ada, maka akan terhasilnya pekerjaan yang dibayar tidak setimpal dengan kelayakan yang ada. Golongan belia sukar untuk melakukan simpanan kerana pendapatan mereka hanya cukup untuk menampung kos sara hidup. Simpanan caruman KWSP juga menunjukkan kebimbangan. Median simpanan kaum Melayu yang terdiri daripada tujuh juta ahli menyusut kepada RM5,500.00 pada Februari 2023 daripada RM16,900.00 pada April 2020. Perkara ini terjadi hasil daripada pengeluaran melalui i-Lestari, i-Sinar, i-Citra dan pengeluaran khas daripada April hingga Mei 2022. Hal ini antara sebab mengapa kerajaan mula membuat keputusan untuk tidak lagi membenarkan pengeluaran KWSP.

Kesan kelima, pendidikan dan kemahiran. Selain daripada sektor ekonomi dan kesihatan yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19, sektor pendidikan juga tidak terlepas dari kesan ini. Pandemik telah mengganggu sistem pendidikan yang membawa kepada peralihan pembelajaran sepenuhnya secara atas talian. Walaupun perkara ini telah memberi akses tanpa had kepada para pelajar, namun tidak dinafikan terdapat segolongan besar pelajar yang masih belum mahir kepada penggunaan internet secara meluas. Perkara ini memerlukan masa yang agak lama untuk para pelajar menyesuaikan diri. Antara cabaran sepanjang tempoh ini adalah menyebabkan para pelajar akan merasa ketinggalan seterusnya telah menyebabkan mereka mula merasa hilang minat untuk belajar dan akhirnya akan berlaku jurang pendidikan dan pembelajaran antara para pelajar.


Kesan terakhir iaitu kesan terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan belia. Golongan belia yang secara tiba-tiba terpaksa menjalani kehidupan dengan cara pengasingan mula terdedah kepada sifat kebimbangan dan tekanan. Oleh itu, keperluan menangani masalah ini perlu menjadi keutamaan dan penting untuk memastikan kesejahteraan dan produktiviti belia dalam aktiviti ekonomi tidak terjejas.

Segala data-data yang telah diperolehi dan yang ditunjukkan dalam makalah ini tidak dinyatakan secara khusus mengenai status agama belia. Namun, pengkaji telah meneliti dan merumuskan bahawa data-data ini terkait rapat dengan golongan belia Islam di Malaysia kerana populasi belia bumiputera di Malaysia lebih daripada separuh jumlah keseluruhan belia di Malaysia iaitu sebanyak 62.6 peratus. Data populasi penduduk belia di Malaysia dapat dilihat dalam Rajah 6 di bawah.

STATISTIK POPULASI PENDUDUK & PENDUDUK BELIA MENGIKUT KATEGORI UMUR, JANTINA, ETNIK, DAERAH & NEGERI DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2015 - 2021

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Disediakan Oleh: Unit Pengurusan Data, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)



Rajah 6: Statistik Populasi Penduduk Belia Mengikut Kategori Etnik Di Malaysia Bagi Tahun 2021

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Disediakan Oleh: Unit Pengurusan Data, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan ke atas data-data yang terdahulu, pandemik Covid-19 telah mengajar golongan belia menjadi lebih berfikir kreatif dan berdaya saing dalam segala aspek terutamanya dalam bidang pekerjaan. Keadaan ekonomi yang tidak menentu dan masih dalam fasa pemulihan ini memerlukan sekurang-kurangnya dua tahun untuk kembali kepada norma aktiviti ekonomi yang hampir sama sebelum berlakunya pandemik. Setelah mengharungi tempoh pandemik selama 3 tahun, tidak dinafikan belia kini menjadi lebih bijak dalam mencipta sendiri peluang pekerjaan seperti pekerjaan bebas (*freelance*) atau bekerja sendiri (*self-employment / own account worker*). Namun perkara ini perlu diberi perhatian agar tidak menjadi lambakan penawaran, tiada perkembangan dalam kerjaya dan seterusnya mengakibatkan ketidakseimbangan ekonomi negara.

RUJUKAN

- Chung, H. (2023). DOSM: Most P-hailing workers earn below RM2,500, aged 30 and younger. Dilayari pada theedgemarkets.com. <https://theedgemalaysia.com/node/655708>
- Clemente-Suárez, V. J., Navarro-Jiménez, E., Moreno-Luna, L., Saavedra-Serrano, M.C.,

- Jimenez, M., Simón, J.A., Tornero-Aguilera, J. F. (2021). The impact of the covid-19 pandemic on social, health, and economy. *Sustainability*, 13, 6314. <https://doi.org/10.3390/su13116314>
- Giannantonio, C. M. (2010). Book review: Krippendorff, K.(2004). Content analysis: an introduction to its methodology . Thousand oaks, CA: sage. *Organizational Research Methods*, 13(2), 392-394.
- Hsieh, H. F., & Shannon, S. E. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative health research*, 15(9), 1277-1288.
- International Labour Organization (ILO). (2020). Monitor 2nd Edition: Covid-19 and the World of Work. International Labour Organization. https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---dcomm/documents/briefingnote/wcms_740877.pdf
- International Labour Organization (ILO). (2022). The Global Employment Trends for Youth 2022: Investing in transforming futures for young people.
- International Monetary Fund (IMF). (2021). World Economic Outlook: Managing Divergent Recoveries. Washington, DC.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Laporan survei khas kesan COVID-19 kepada ekonomi dan individu (pusingan 1). *Putrajaya, Malaysia*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2022). Laporan Survei Khas COVID-19 Kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 2). *Putrajaya, Malaysia*
- Mansor, J. & Rafiq, M. A. (2020). Kertas perbincangan. Cadangan dan Strategi Pasca-Pandemik untuk Belia. Khazanah Research Institute.